



SIARAN AKHBAR

**YOUNG LEADERS PROGRAMME KALI KE-7 TAHUN 2019
LAWATAN KE TAPAK-TAPAK PERIKANAN DI DAERAH TUTONG
SYARIKAT NUR NABAI AQUACULTURE SDN. BHD. DAN GOLDEN CORPORATION SDN. BHD**

Khamis, 4 Safar 1441H bersamaan 3 Oktober 2019

Daerah Tutong

Satu rombongan dari Republik Singapura yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean, Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Republik Singapura yang diiringi oleh beberapa Menteri, Timbalan Menteri dan Pegawai-Pegawai Kanan dari beberapa agensi Kerajaan Singapura yang berada di Negara ini sempena *Young Leaders Programme* yang Ke-7, telah mengadakan lawatan ke tapak-tapak industri perikanan di Daerah Tutong.

Lawatan kali ini adalah merupakan lanjutan daripada lawatan yang telah diatur oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kelmarin, hari Rabu, 2 Oktober 2019 ke ladang perusahaan *musk melon* iaitu Syarikat Gropoint Sdn. Bhd., Kawasan Kemajuan Ladang Pertanian (KKLP), Tungku, bagi mengongsikan serta memberigakan mengenai dengan perkembangan dan pencapaian terkini aktiviti-aktiviti atau kegiatan-kegiatan perusahaan yang berkaitan dengan industri pertanian dan perikanan di Negara Brunei Darussalam.

Pada hari ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan meneruskan lagi program lawatan bagi rombongan ini ke ladang Syarikat Nur Nabai Aquaculture Sdn. Bhd. dan Golden Corporation Sdn. Bhd., di Daerah Tutong.

Rombongan dari Republik Singapura ini disambut oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di Syarikat Nur Nabai Aquaculture Sdn. Bhd., Sungai Paku, Telisai.

Di tapak ladang Syarikat Nur Nabai Aquaculture Sdn. Bhd, rombongan ini pada mulanya telah diberikan penerangan mengenai visi dan misi Jabatan Perikanan yang disampaikan oleh Yang Mulia Dy Noraini Binti Haji Anggas, Pemangku Pengarah Perikanan. Kemudian ianya diikuti dengan taklimat daripada Awang Haji Abd Rudi bin Haji Abd Rahim, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Nur Nabai Aquaculture Sdn. Bhd.

Syarikat Nur Nabai Aquaculture Sdn Bhd merupakan syarikat usahasama di antara pengusaha tempatan dengan pelabur dari Indonesia. Syarikat tersebut sedang mengusahakan perusahaan semaian ikan kerapu hibrid di tapak berkeluasan 13 hektar menggunakan 19 kolam. Perusahaan semaian ikan kerapu hibrid mula dijalankan pada Julai 2017 yang lalu. Di samping aktiviti ternakan ikan dalam kolam, Syarikat Nur Nabai Aquaculture Sdn Bhd juga telah melaksanakan operasi mengusahakan ternakan ikan dalam sangkar di Tanjong Pelumpong di tapak seluas 6 hektar dan memiliki 344 buah petak sangkar bagi penghasilan ikan kerapu Hibrid. Pengeluaran ikan-ikan kerapu dari ladang Syarikat ini telah mula dieksport ke pasaran Hong Kong pada 17 Jun 2017 sehingga sekarang. Pengeluaran syarikat telah meningkat dari setahun ke setahun daripada 18.62MT pada 2017 dan meningkat sebanyak 159.77MT pada tahun 2018. Syarikat ini mensasarkan pengeluaran sejumlah 1,200 tan metrik setahun daripada lebih 1,000 buah sangkar menjelang tahun 2020 nanti di mana kesemua dieksport ke Hong Kong sejumlah 30 tan metrik sebulan. Setelah mendengarkan taklimat dari Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat ini, rombongan telah dibawa menyaksikan aktiviti-aktiviti penternakan ikan kerapu hybrid di kolam.

Rombongan seterusnya dibawa melawat ke Syarikat Golden Corporation Sdn Bhd di Serampang Industrial Site, Kg Serampang, Tutong.

Program lawatan tersebut dimulakan dengan taklimat ringkas mengenai Golden Corporation Sdn Bhd. yang disampaikan oleh Pengarah Urusan Syarikat Golden Corporation Sdn. Bhd., Awang Richard Chuang, diikuti dengan meninjau aktiviti-aktiviti yang dijalankan di kilang pemprosesan syarikat ini.

Syarikat Golden Corporation Sdn Bhd adalah salah sebuah syarikat yang telah ditubuhkan pada tahun 2012 yang merupakan sebuah syarikat yang *integrated* yang mengusahakan aktiviti-aktiviti seperti penangkapan ikan secara komersil, penetasan dan semaian anak-anak udang laut, ternakan udang laut dalam kolam dan pemprosesan ikan. Kilang pemprosesan ikan yang dilawati dilengkapi dengan teknologi moden yang berkeupayaan menghasilkan produk beku

dan yang berkualiti. Kilang tersebut telah berhasil memasarkan produk-produk ke pasaran eksport antarabangsa seperti Australia, Jepun, China, Taiwan dan juga Kesatuan Eropah (EU). Syarikat ini telah diberikan pengiktirafan sijil piawaian tempatan dan antarabangsa seperti ISO22000:2005, HACCP, Sijil Organik, *British Retail Consortium Certification*, IFS (pensijilan Jerman), Sijil Halal dan Kesatuan Eropah (EU).

Selain dari kilang pemprosesan ini, Syarikat ini juga mempunyai tapak-tapak ternakan udang di Sg Paku, Kg Sg Penyatang, Kg Keramut Telisai dan sebuah tapak semaian di Kg Telisai dengan keluasan keseluruhan sejumlah 256 hektar. Manakala Syarikat ini juga mengusahakan 2 buah pusat penetasan udang rostris di Kg Kuala Tutong dan Kg Meragang, serta sebuah lagi kilang pemprosesan di Kompleks Pendaratan Ikan Muara, dan sebuah lagi yang akan dibina tidak lama lagi. Syarikat ini telah berjaya menghasilkan hampir 2,000 tan metrik dari kilang pemprosesannya pada tahun 2018 berbanding dengan 600 tan metrik pada tahun 2013.

Kilang tersebut kini berhasil memasarkan produk-produk ke pasaran eksport antarabangsa seperti Australia, Jepun, Republik Rakyat Cina, Taiwan dan seterusnya Kesatuan Eropah (EU).

Turut menyertai rombongan lawatan ialah Tuan Yang Terutama Mr Lim Hong Huai, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Brunei Darussalam, Yang Mulia Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Mulia Abdul Halidi bin Mohd. Salleh, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Mulia Dy Noraini Binti Haji Anggas, Pemangku Pengarah Perikanan serta pegawai-pegawai kanan Kementerian ini dan Jabatan Perikanan.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam

Bahagian Pengurusan dan Kewangan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 3 Oktober 2019